



# MDN

## MAJLIS DAERAH NABAWAN



MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

## OPERASI PEMERIKSAAN GERAI MAJLIS DAERAH NABAWAN BERSAMA UNIT PENGUATKUASA, UNIT KESIHATAN, UNIT PEMBANGUNAN DAN UNIT HASIL MAJLIS DAERAH NABAWAN

01 JULAI 2025



Operasi bersama ini telah diadakan pada 01 Julai 2025 bermula pada Jam 8.30 Pagi. Operasi ini di ketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa Majlis Encik Iman Hamizan Kapit Abdullah dan turut serta Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Majlis Puan Amirah Hasinin dan Penolong Jurutera Encik Mohd Sufi bin Jasni dan Pembantu Kewanagan Cik Alvolena Alexander. Antara yang diperiksa oleh Pihak Majlis adalah berkenaan tunggakan sewa gerai, Lesen Operasi, Kad Kesihatan, Kebersihan kawasan premis, dan pemeriksaan bangunan gerai Majlis.

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

## SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN PELUASAN PBTPAY DI MAJLIS DAERAH NABAWAN OLEH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

01 OGOS 2025



Sesi Libat Urus bagi pelaksanaan peluasan PBT Pay di Majlis Daerah Nabawan telah diadakan pada 01 Ogos 2025, diketuai oleh Encik Omrah Bin Omar Timbalan Ketua Pengarah JKT bersama Juliana Binti Baderi Ketua Penolong Pengarah JKT, Mohamad Zubir Bin Sidi Penolong Pengarah Kanan JKT dan Mohd Shahrill Bin Lazim Penolong Pengarah Kanan JKT

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

# PROGRAM GOTONG-ROYONG RAKAN LESTARI 2025

12 OGOS 2025



Telah diadakan pada 12 Ogos 2025, bersama Komuniti rakan Lestari Tadika Consolata Nabawan bermula pada Jam 8.30 Pagi hingga 1.00 tengahari

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

# OPERASI UNIT PENGUATKUASA BERSAMA KPDN KENINGAU

13 OGOS 2025



Telah diadakan pada 13  
Ogos 2025, bersama  
KPDN Keningau bermula  
jam 9.00 pagi sekitar  
Pekan Nabawan

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

## LAWATAN MENGEJUT DARIPADA UNIT AKAUN KKTP

21 OGOS 2025



Pada 21 Ogos 2025, satu lawatan mengejut telah diadakan oleh Bahagian Akaun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) yang diketuai oleh Encik Wan Sweehairi bin Jumang Akauntan KKTP, bersama-sama Encik Fadhullah Haji Ali Pembantu Tadbir Kewangan dan Puan Roslina Yangin juga Pembantu Tadbir Kewangan. Lawatan ini bertujuan untuk menilai, menyemak serta memastikan tatacara kewangan dan rekod perakaunan di lokasi yang dilawati berada dalam keadaan teratur, mematuhi peraturan semasa, serta selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

## GOTONG ROYONG MEMBERSIHKAN KAWASAN PASAR AWAM DAN PASAR IKAN PEKAN NABAWAN 2025

23 SEPTEMBER 2025



NABAWAN, 23 September 2025 – Program Gotong-Royong Membersihkan Pasar Awam dan Pasar Ikan Pekan Nabawan 2025 telah dilaksanakan oleh Unit Kesihatan Majlis Daerah Nabawan, Unit Penguatkuasaan Majlis Daerah Nabawan serta kerjasama para peniaga pasar. Aktiviti gotong-royong ini merangkumi kerja-kerja pembersihan menyeluruh di kawasan pasar termasuk mencuci longkang, mengutip sampah sarap dan membersihkan kawasan persekitaran.

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

## PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA 2025



27 SEPTEMBER 2025



NABAWAN, 27 Sept – Program Hari Cuci Malaysia 2025 ini berlangsung meriah bermula jam 8.00 pagi, peserta bergotong-royong membersihkan kawasan awam, kawasan dewan serbaguna dan premis komuniti, Majlis Daerah Nabawan memberi tumpuan kepada kerja pembersihan dan menjadi platform untuk menyemai semangat cintakan kebersihan, perpaduan dan rasa tanggungjawab bersama terhadap kelestarian alam sekitar. Program ini diadakan serentak di seluruh Malaysia dengan sasaran 100,000 penyertaan, menjadikan Hari Cuci Malaysia 2025 sebagai gerakan besar-besaran untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan harmoni.

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN

**PERBINCANGAN BERKENAAN PENGOPERASIAN MENARA  
TELEKOMUNIKASI MILIK TETUAN TM TECHNOLOGY SERVICES SDN BHD  
YANG BERADA DI DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
SABAH**

*16 OKTOBER 2025*



Pihak TM Technology Services Sdn Bhd (TM) telah membuat satu sesi Mesyuarat bersama Bahagian Pembangunan, Majlis Daerah Nabawan, Negeri Sabah bagi membincangkan beberapa isu berkaitan pengoperasian menara telekomunikasi di kawasan Majlis Daerah Nabawan pada 16 Oktober 2025 Jam 10.00 Pagi

**MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN**

# SLAF2025 SABAH LANDSCAPE ARCHITECTURE FESTIVAL

06 NOVEMBER 2025 – 09 NOVEMBER 2025



Majlis Daerah Nabawan telah menyertai Sabah Landscape Architecture Festival (SLAF) 2025 yang berlangsung pada 6 November 2025 hingga 9 November 2025 bertempat di Kota Kinabalu, Sabah. Festival ini merupakan program yang menghimpunkan pihak berkuasa tempatan bagi mempromosikan inovasi dan kreativiti dalam bidang seni bina landskap. Rekaan booth Majlis Daerah Nabawan menampilkan struktur gua yang dibentuk daripada bahan kitar semula, lengkap dengan atap rumbia, perahu kayu dan hiasan buluh yang berinteraksi lembut dengan tiupan angin. Setiap elemen melambangkan “suara alam” mesej tentang keseimbangan, kedamaian dan kelestarian yang lahir dari alam hijau Nabawan.

MAJLIS DAERAH NABAWAN,  
PETI SURAT NO.27,89957, NABAWAN